

Dataran Bandaraya Johor Bahru tumpuan peminat kasut roda

MESKIPUN bermain kasut roda bukan satu perkara baharu namun, aktiviti riadah bagi mengisi waktu senggang yang seakan bermusim itu kini kembali popular. Ternyata sukan ini mempunyai peminat tersendiri dan semakin diminati dalam kalangan generasi muda sehingga mencetuskan satu fenomena di sekitar bandar raya Johor Bahru, Johor.

Mengambil peluang yang terhidang ini memberi idea kepada Noor Rael Zulfaqhar, 27, dan isterinya, Nurul Faizatul Anna Mazlan, 26, untuk membuka syarikat Real One Roller Blade bagi menjalankan perniagaan menyewa kasut roda kepada orang ramai.

Dua lokasi perniagaan pasangan ini ialah di Dataran Bandaraya Johor Bahru dan kawasan parkir di belakang ban-

gunan Jakel Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Menurut Noor Rael, beliau memperuntukkan kira-kira RM7,000 bagi membeli pelbagai saiz kasut roda untuk disewakan kepada orang ramai.

Harga sepasang kasut yang dibelinya adalah kira-kira RM300 sepasang.

Katanya, kasut-kasut roda itu disewakan kepada para pengunjung dengan harga RM10 untuk tempoh bermain selama satu jam tanpa mengira saiz.

“Alhamdulillah, sambutan yang kami terima agak baik walaupun baru beroperasi hampir empat bulan lalu di daerah ini.

“Walaupun aktiviti bermain

Jom Singgah



kasut roda bukanlah perkara baru, tetapi ramai yang berminat untuk mencubanya termasuk kanak-kanak, remaja dan golongan wanita,” katanya kepada *Kosmo!* ketika ditemui di Dataran Bandaraya Johor Bahru baru-baru ini.

Jelas Noor Rael, dia dan isterinya membuka perniagaan itu dari pukul 10 malam

hingga lewat pagi tetapi bergantung kepada cuaca.

Mengulas lanjut, bapa kepada seorang anak ini memberitahu, pada awal memulakan perniagaan ini, dia hanya memiliki enam pasang kasut namun, kini mampu tersenyum selepas mampu memiliki 30 pasang kasut dan pendapatan agak baik.



NOOR RAEI (berdiri, enam dari kanan) bergambar bersama pengunjung yang menyewa kasut roda di Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Menurut Noor Rael lagi, berdasarkan sambutan daripada orang ramai, pihaknya kini

dalam proses mendapatkan lesen kebenaran daripada pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru.